

# “UMS BERI SAINGAN SENGIT DALAM DEBAT DIRAJA 2012”

Disediakan oleh : Rohani Binti Hadi



Barisan pendebat UMS bergambar bersama Puan Rohani Hadi (Penyelaras Madum UMS)

Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menghantar dua pasukan debat mengikut Kategori iaitu Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris masing-masing dengan pasukan senior dan junior. Penyertaan UMS pada kali ini dianggap istimewa kerana UMS mempertaruhkan para pendebat muda yang berbakat besar untuk beraksi dalam pertandingan debat yang berprestij pada kali ini.

Seramai 16 orang pelajar UMS terlibat, Dr Yasmin Ooi Beng Houi selaku Hakim Kelas Tertinggi Madum bagi kategori bahasa Inggeris dan Puan Rohani Hadi selaku penyelaras pasukan Debat UMS telah terlibat sepanjang 11-16 Februari berkampung di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang selaku tuan rumah.

Membanggakan apabila pasukan Junior Debat Bahasa Melayu melonjakkan kedudukan ke-12 daripada 20 pasukan yang bertanding. Pasukan ini berjaya memperbaiki kedudukan dan meningkatkan mutu perdebatan. Ini merupakan peluang besar yang diberikan kepada para pelajar dalam membina kemahiran insaniah di kalangan pelajar. Ianya selaras dengan misi Jabatan Hal Ehwal Pelajar sendiri.

Timbalan Naib Canselor HEPA UMS, YBhg ACP(K/S) Prof. Madya Datuk Dr. Kasim Hj. Md Mansur mensasarkan lebih ramai para pendebat UMS dapat dilatih dan dididik demi untuk melahirkan modal insan kelas pertama. Kapt Darwis Awang juga selaku Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar memberikan sokongan penuh dalam pelbagai usaha ke arah memantapkan lagi pasukan debat UMS. Hal ini kerana UMS pernah menjadi satu daripada pasukan debat yang begitu kuat dan digeruni pihak lawan suatu ketika dulu.